

KADAR SEWAAN PERABOT/ KELENGKAPAN/ DEWAN DI BAWAH
BAHAGIAN KORPORAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PELANCONGAN
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

KERUSI DAN MEJA

a) KERUSI PLASTIK	RM	0.50	sebuah
b) KERUSI VELVET	RM	3.00	sebuah
c) MEJA (PANJANG/BULAT)	RM	2.00	sebuah
d) TANGGA STAGE (DEWAN MPT TAIPING)	RM	50.00	sebuah
e) SETTY (ROTAN)	RM	10.00	sebuah
f) SOFA BIRU	RM	20.00	sebuah
g) ROSTRUM	RM	10.00	sebuah
h) TAPAK KHEMAH	RM	20.00	sebuah

CATATAN: Harga yang dipamerkan di atas adalah untuk sewaan kelengkapan/perabot tanpa menegggunakan dewan di bawah Majlis Perbandaran Taiping.

GELANGGANG MPT

GELANGGANG TENIS TAMAN TASIK

1 JAM – SIANG	RM 8.00
1 JAM – MALAM	RM 16.00

GELANGGANG BADMINTON

1 JAM – SIANG	RM 10.00
1 JAM – MALAM	RM 12.00

GELANGGAN TAKRAW

1 JAM – SIANG	RM 10.00
1 JAM – MALAM	RM10.00

BERMULA 8 JUN 2015, MESYUARAT PENGURUSAN BIL 5/2015 MAJLIS PERBANDARAN TAIPING TELAH MENETAPKAN BEBERAPA PERATURAN BARU BAGI SEMUA DEWAN DI BAWAH MALIS PERBANDARAN TAIPING IAITU DEWAN PERBANDARAN TAIPING, DEWAN KAMUNTING, DEWAN CHANGKAT JERING, DEWAN KG JAMBU, DEWAN SRI KOTA, DEWAN BUKIT MAS DAN ASTAKA BATU KURAU.

PERATURAN BARU YANG DITETAPKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT

- 1. TEMPAHAN SEMUA DEWAN MPT AKAN DIBUKA SEMULA DALAM TEMPOH SETAHUN SEBELUM TARIKH PENGGUNAAN DEWAN.**
- 2. ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA HASIL PERBINCANGAN MESYUARAT YANG LALU TELAH MEMUTUSKAN BAHAWA TEMPAHAN BAGI DEWAN BUNGA RAYA CHANGKAT JERING HANYA DIBUKA TIGA BULAN SEBELUM MAJLIS.**



BAHAGIAN KORPORAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PELANCONGAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN DEWAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

1. Pengguna/ penyewa tidak dibenarkan menjalankan aktiviti memasak di dalam dan di luar Dewan Majlis Perbandaran Taiping.
2. Pengguna/ penyewa hendaklah menggunakan peralatan (kerusi dan meja) yang disediakan oleh pihak Majlis di dalam dewan.
3. Alas meja hendaklah dipasang sebelum makanan dihidangkan. Semua makanan/minuman yang dihidangkan mestilah **HALAL**.
4. Sebarang hidangan/minuman hendaklah disediakan di tepi sebelah dalam atau luar bangunan dan tidak sekali-kali dibenarkan menggunakan ruang hadapan (lobby) bagi maksud hidangan.
5. Pengguna/penyewa hanya dibenarkan memasang khemah selepas jam 5.00 petang dan hendaklah dibuka setelah selesai majlis yang dijalankan kecuali hari bercuti.
6. Pengguna/penyewa **TIDAK DIBENARKAN MEROKOK** di dalam dewan dan **DILARANG** menggunakan paku, cat, gam atau sebarang pelekat yang sukar ditanggalkan semasa menggunakan dewan.
7. Wang pendahuluan sebanyak **RM200.00** hendaklah dijelaskan sewaktu tempahan dibuat dan baki hendaklah dijelaskan sewaktu tempahan dibuat dan baki hendaklah dijelaskan **30 hari** sebelum dewan digunakan. **Sekiranya gagal berbuat demikian tempahan akan terbatal.** Pengguna/penyewa boleh membuat permohonan wang pendahuluan dalam tempoh 60 hari (2 bulan) sekiranya tidak berminat atau ingin membatalkan tempahan. Sekiranya gagal wang tersebut **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.**
8. Sebarang kerosakan ke atas kelengkapan/ peralatan dewan seperti kerusi, meja, kipas dan lain-lain adalah menjadi tanggungjawab pengguna/penyewa dan perlu diganti jika berlaku kerosakan.
9. Majlis Perbandaran Taiping **TIDAK BERTANGGUNGJAWAB** terhadap sebarang kemalangan atau kehilangan barang semasa dewan digunakan. Penyewa/pengguna tidak boleh membuat sebarang tuntutan kepada Majlis atau mana-mana pegawai MPT.

10. Majlis Perbandaran Taiping berhak **MEMBATALKAN TEMPAHAN DEWAN** pada bila-bila masa sekiranya dewan akan digunakan untuk majlis-majlis rasmi kerajaan seperti melibatkan Sultan, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.
11. Yang Dipertua, Setiausaha Perbandaran atau mana-mana Pegawai Majlis Perbandaran yang bertugas hendaklah dibenarkan masuk sepanjang masa bagi memeriksa dewan atau menjalankan tugas.
12. Pengguna/penyewa dibenarkan menghias di lobi dewan dengan syarat tidak mengganggu dan menutupi ruang hadapan pejabat dan laluan ke tingkat atas dewan demi keselamatan dan urusan MPT.
13. Pengguna/penyewa dibenarkan memasan khemah tambahan di kawasan luar dewan dan dikenakan bayaran **RM20.00 seunit tidak termasuk peralatan (kerusi & meja)**. Khemah perlu dibuka dengan kadar segera selepas tamat majlis dan sekiranya gagal tindakan penalti akan dikenakan kepada pengguna/penyewa.
14. Tempoh masa penyewaan adalah daripada 7.00 pagi hingga 7.00 malam (bagi penyewaan siang hari) dan 7.00 malam hingga 11.00 malam (bagi penyewaan malam). MPT akan mengenakan caj RM50.00 sejam bagi sebarang penambahan tempoh penyewaan. Peralatan dari luar yang dibenarkan masuk dalam dewan hendaklah dikeluarkan selepas tamat tempoh masa penggunaan dewan seperti pemasangan pelamin dll.
15. Pengguna/penyewa hendaklah memohon terlebih dahulu kepada petugas dewan sekiranya ingin menggunakan apa-apa kemudahan lain yang sedia ada di dalam atau di luar dewan.
16. **TIDAK DIBENARKAN** meletak kenderaan di perkarangan Dewan Perbandaran Taiping (dalam kawasan berpagar MPT) pada hari bekerja kecuali dengan kebenaran MPT.